



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Puasa 5 - 17 Mac 2024

Doa Hari Ini

Allah penuh rahmat, oleh kematian dan kebangkitan Anak-Mu Yesus Kristus, telah menebus dan menyelamatkan manusia; berkenankan agar oleh iman di dalam Dia yang telah menderita di atas kayu salib, kami akan menang dalam kuasa kemenangannya, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin



Perhatikanlah bunga bakung di ladang

Matius 6:28

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

1. MINGGU AKHIR PUASA


Kita sedang menghampiri ke penghujung musim Puasa. Minggu hadapan adalah Minggu Palma. Kita harus terus beringat-ingat, merenungkan, bertaubat, dan diperbaharui.

- 'Doa Harian Musim Puasa' - Isnin-Jumaat, jam 12:00 tengah hari. ID Pertemuan Zoom: [846 5515 2727](https://zoom.us/j/84655152727)
Kata Laluan: 0224
- Libatkan diri dalam aktiviti yang akan membawa kita lebih dekat kepada Tuhan - membaca Alkitab, dengar renungan, muzik dan lagu Kristian, atau baca buku Kristian. Lawati orang sakit, memerlukan dan kesepian.
- Tanggalkan tabiat buruk atau ketagihan tertentu; dan untuk membangunkan gaya hidup sihat.



2. KEBAKTIAN MINGGU SUCI

- 24 Mac, Minggu Palma - Kebaktian seperti biasa; pengedaran daun salib palma
- 28 Mac, Khamis Suci, 8:00 mlm - Perjamuan Kudus
 - BC - Dewan Alpha
 - BI - Dewan Omega
 - BM - Gereja
- 29 Mac, Jumaat Agung
 - 6:00 pg - Kebaktian Kesyukuran di tanah perkuburan Anglikan
 - 3-jam Renungan Kebaktian Jumaat Agung: 'Watak-watak Salib'
 - * 12:00 tgh hri-1:00 ptg - BC
 - * 1:00 ptg-2:00 ptg - BI
 - * 2:00 ptg-3:00 ptg - BM
- 30 Mac, Sabtu Suci, 2:00 ptg - Mesyuarat Agung Tahunan
- 31 Mac, Hari Paskah - Kebaktian pada ketetapan biasa; disusuli dengan jamuan makan.



3. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan kita yang ke-54, akan diadakan pada **30 Mac, Sabtu Kudus, pada pukul 2:00 petang**. Sila ambil perhatian:

- sila semak daftar pemilih, dan kemas kini, jika perlu;

- kami dalam usaha untuk menerbitkan buku laporan agar tersedia pada Ahad depan, 24 Mac. Marilah berdoa, dan bekerja.



4. SIRI KHUTBAH MUSIM PUASA - 'TANGGALKANLAH'

- 25 Feb, Puasa 2: 'Tanggalkanlah Kemarahan' - Matius 5:17-27
- 3 Mac - Puasa 3: 'Tanggalkanlah Dendam' - Mat 5:38-48
- 10 Mac - Puasa 4: 'Tanggalkanlah Ketamakan' - Mat 6:1-4,19-24
- 17 Mac - Puasa 5, hari ini: 'Tanggalkanlah Kekhuatiran' - Mat 6:25-34.

5. HAL EHWAL KELUARGA CCL - beberapa idea bernas hasil daripada ketua sel!!

- Kelompok sel - menggalakkan lebih banyak penyertaan, publisiti yang lebih besar (risalah, e-fliers, laman web), pertemuan bersemuka sekurang-kurangnya sebulan sekali
- Perlengkapan - Rektor, paderi dan pastor akan bertemu dengan pemimpin sel dengan lebih kerap untuk membantu mereka mengajar, memimpin dan menggembala dengan lebih baik
- Persekutuan Selepas Kebaktian - jadikan Paviliun lebih mesra kanak-kanak, kaunter pertanyaan dengan staf gereja, galakkan anggota gereja untuk merayakan bersama-sama majlis Istimewa mereka (hari jadi, ulang tahun, kesyukuran)
- Jangkauan - hubungan yang lebih baik dengan komuniti KK: menawarkan kursus muzik, tuisyen, pengucapan awam, fotografi, dll. Penggunaan media sosial yang lebih baik untuk berkongsi tentang kehidupan gereja kita
- Penginjilan - kongsi injil dengan rakan-rakan: Terokai Kursus Kristian (dalam BC, Bi & BM)

"Kristus telah mengasihi jemaat dan telah menyerahkan diri-Nya baginya", Efe 5:25. Kami mengasihi umat Tuhan di Christ Church Likas, dan ingin berkembang maju bersama-sama.

6. KELAS PEMBAPTISAN & PENETAPAN

Sila mendaftar sekarang. Calon mestilah berumur 13 tahun dan ke atas. Kami akan mengaturkan kelas yang sesuai mengikut jadual, bahasa dan kategori umur anda.

7. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan. Pendaftaran kita seramai 50 orang.
- 30 April-2 Mei - Konferensi Belia BC & BI, Katedral All Saints, KK. Dibuka untuk pendaftaran.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



TANGGALKANLAH ... KEKHUATIRAN

“carilah dahulu Kerajaan Allah dan kebenarannya, maka semuanya itu akan ditambahkan kepadamu.” - Matius 6:33

Untuk renungan dan perbincangan:

1. Haiwan atau serangga apakah yang anda takuti - tikus, lipas, cicak, dll.? kenapa?
2. Baca Matius 6:25-34. ay 25 - bagaimana anda akan menjawab soalan Yesus? Jika makanan dan pakaian bukanlah yang paling penting, apakah beberapa perkara yang anda anggap sangat penting dalam kehidupan? Kongsikan sedikit sebanyak yang anda mahu.
3. Ay 26-30 - apakah yang boleh kita pelajari daripada burung-burung? Bagaimanakah 'Bapa di syurga' memberi mereka makan? Jika kekhawatiran tidak dapat memanjangkan umur kita, jadi apakah yang mungkin boleh? Bagaimanakah kekhawatiran mempengaruhi kehidupan kita? Bagaimana Tuhan 'memakai' hidup kita? Lihat juga Kej 3:21.
4. Ay 30-32 - apakah salah satu sebab menyebabkan kita sangat khuatir? Bagaimana dengan iman kepada 'Bapa syurgawi kita' melegakan kita daripada kekhawatiran? Lihat juga Filipi 4:7-8.
5. Ay 33 - daripada mengisi fikiran kita dengan kekhawatiran, apakah yang harus menjadi keutamaan kita? Apakah yang dimaksudkan dengan 'carilah dahulu kerajaan Allah dan kebenaran-Nya'? Bagaimana kita boleh melakukan semua ini?
6. Serahkan kekhawatiran dalam fikiran dan hati anda kepada Tuhan. Jika perlu, biarkan rakan lain dalam kumpulan anda berdoa untuk anda.

UNTUK DIDOAKAN

Provinsi kita yang tercinta

- untuk gereja di Brunei

[agar orang Kristian di sana dapat menyumbang kepada kesejahteraan negara]

Belia kita yang tercinta

- untuk kebangkitan para belia di gereja kita yang kuat di dalam Tuhan [supaya mereka bertumbuh menjadi saksi yang berkesan bagi Yesus]

Diri sendiri

- untuk tempoh ibadah Puasa yang bermakna

[agar kita dapat melihat pertolongan Tuhan di dalam hidup kita]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.